

**SYARAT-SYARAT PENYERTAAN AM**

- i. Penyertaan terbuka kepada warga Malaysia yang berkhidmat sebagai **wartawan yang bekerja sepenuh masa** dengan mana-mana organisasi media cetak, elektronik dan portal media dan perlulah berdaftar dengan **Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)**.
- ii. **Stringer, wartawan sambilan dan jurugambar sambilan layak** menyertai Anugerah Media Pembinaan CIDB 2018.
- iii. Penyertaan perlulah **disahkan oleh Ketua Pengarang atau Ketua Jabatan** menggunakan borang penyertaan rasmi yang disediakan.
- iv. Bahan-bahan penyertaan yang telah disiarkan dan diterbitkan mulai **31 Julai 2017 sehingga 30 Jun 2018** layak menyertai.
- v. **Penyertaan dibuka mulai 1 Disember 2017 ; tarikh tutup penyertaan pada 30 Julai 2018.**
- vi. Semua bahan berita bercetak; video; audio; foto yang diulang siar/diterbitkan tidak layak untuk dipertandingkan. Karya asli sahaja diterima.
- vii. Borang penyertaan beserta bahan penyertaan yang lengkap perlulah dikepilkan bersama **salinan kad pengenalan dan sekeping gambar profil peserta/kumpulan** - dihantar kepada:

**Sekretariat Penghakiman Anugerah Media Pembinaan CIDB 2018**

**Malaysian Press Institute**

**2945 Jalan Bukit Ledang Off Jalan Tuanku Abdul Halim**

**50490 Kuala Lumpur.**

- viii. Kesemua bahan-bahan penyertaan tidak akan dikembalikan dan menjadi hak mutlak Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) & MPI.
- ix. **CIDB & MPI berhak menolak penyertaan yang tidak lengkap dan gagal mematuhi syarat-syarat penyertaan yang ditetapkan.**
- x. Keputusan Panel Hakim adalah muktamad.

### SYARAT PENYERTAAN KHUSUS

#### A. ANUGERAH MEDIA CETAK (BERITA & RENCANA)

Hadiah pertama	:	Wang Tunai RM 5,000, trofi dan sijil penghargaan
Hadiah kedua	:	Wang Tunai RM 3,000, trofi dan sijil penghargaan
Hadiah ketiga	:	Wang Tunai RM 2,000, trofi dan sijil penghargaan

#### KRITERIA :

1. Anugerah ini diberikan kepada pelaporan berita atau penulisan rencana mengenai isu-isu pembinaan yang berkualiti, penggunaan fakta yang tepat berkait dengan industri pembinaan atau salah satu aspek bidang tugas **CIDB, Kementerian Kerja Raya (KKR) dan agensi di bawahnya** secara konsisten dan relevan.
2. Karya-karya kewartawanan yang menumpukan kepada **isu-isu pembinaan atau Program Transformasi Industri Pembinaan (CITP) iaitu kualiti; keselamatan dan profesionalisme, kemampanan alam sekitar, produktiviti dan pengantarabangsaan industri pembinaan.**
3. Penulisan yang memberi impak dan **peningkatan kesedaran, pendidikan pembinaan kepada masyarakat, pemain industri dan negara secara keseluruhannya tentang industri pembinaan dan pembangunan.**
4. Karya-karya yang **mempromosikan aktiviti industri pembinaan, produktiviti, pembangunan modal insan dan kesan** kepada penduduk setempat mahupun kepada Negara amnya.
5. Karya-karya yang mengupas isu dengan mendalam dan **tidak tertumpu kepada teks ucapan atau kenyataan media** semata-mata.
6. Kategori ini terbuka kepada berita yang telah diterbitkan dan disiarkan dalam sahaja **media cetak dan berita dalam talian.**
7. Bahan penyertaan hendaklah dikemukakan dalam **format PDF** yang disalin pada **satu (1)** salinan cakerapad.
8. Jika tulisan itu bersiri, setiap salinan artikel mestilah disusun mengikut aturan.
9. Penyertaan terbuka kepada semua bahasa.
10. Setiap penyertaan artikel dalam Bahasa Cina atau Tamil wajib diterjemahkan tajuk dan sinopsis laporan. Terjemahan tersebut perlu dikemukakan dalam format PDF.

**B. ANUGERAH MEDIA ELEKTRONIK PENYIARAN TV & ONLINE BROADCASTING  
(BERITA & DOKUMENTARI)**

Hadiah pertama	:	Wang Tunai RM 5,000, trofi dan sijil penghargaan
Hadiah kedua	:	Wang Tunai RM 3,000, trofi dan sijil penghargaan
Hadiah ketiga	:	Wang Tunai RM 2,000, trofi dan sijil penghargaan

KRITERIA :

1. Anugerah ini diberikan kepada penyiaran pelaporan berita/rencana/dokumentari mengenai isu-isu pembinaan yang berkualiti, penggunaan fakta yang tepat berkait dengan industri pembinaan atau salah satu aspek bidang tugas **CIDB, Kementerian Kerja Raya (KKR) dan agensi di bawahnya** secara konsisten dan relevan.
2. Karya-karyaewartawanan yang menumpukan kepada **isu-isu pembinaan atau Program Transformasi Industri Pembinaan (CITP) iaitu kualiti; keselamatan dan profesionalisme, kemampanan alam sekitar, produktiviti dan pengantarabangsaan industri pembinaan.**
3. Isu-isu yang dilaporkan **memberi impak dan peningkatan kesedaran, mempromosikan aktiviti industri pembinaan, pembangunan modal insan, pendidikan pembinaan kepada masyarakat, pemain industri dan negara secara keseluruhannya tentang industri pembinaan.**
4. Kategori ini terbuka kepada berita/dokumentari yang telah diterbitkan dan disiarkan dalam **media elektronik televisyen dan berita atas talian.**
5. Karya-karya yang disiarkan **hendaklah dengan jelas menonjolkan sumbangan dan peranan wartawan dan jurukamera berkenaan.** Peranan wartawan hendaklah ditampilkan dalam bentuk "standupper" dan menemuramah sumber.
6. Program yang **diulang siar tidak layak menyertainya.**
7. Bahan penyertaan hendaklah dikemukakan sebanyak **satu (1) salinan cakera padat.** Setiap CD/DVD **mesti memiliki sampul/kotak cakera padat masing-masing lengkap dengan nama peserta, tajuk penyertaan dan durasi.**
8. **Bahan penyertaan yang dihantar bukan "raw material"** dan hendaklah salinan daripada karya yang telah disiarkan. Hanya karya yang disiarkan sahaja diadili.
9. Penyertaan terbuka kepada semua bahasa.
10. Untuk **bahan penyertaan dalam Bahasa Cina atau Bahasa Tamil,** perlu diletak bersama **sarikata** dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris.

### C. ANUGERAH FOTOGRAFI

Hadiah pertama	:	Wang Tunai RM 5,000, trofi dan sijil penghargaan
Hadiah kedua	:	Wang Tunai RM 3,000, trofi dan sijil penghargaan
Hadiah ketiga	:	Wang Tunai RM 2,000, trofi dan sijil penghargaan

#### KRITERIA:

1. Anugerah ini diberikan kepada karya-karya foto yang mempunyai nilai berita dan ciri-ciri estetika berkait dengan isu-isu pembinaan salah satu aspek bidang **tugas CIDB, Kementerian Kerja Raya (KKR) dan agensi di bawahnya** secara konsisten dan relevan.
2. Karya-karya kewartawanan yang menumpukan kepada **isu-isu pembinaan atau Program Transformasi Industri Pembinaan (CITP) iaitu kualiti; keselamatan dan profesionalisme, kemampunan alam sekitar, produktiviti dan pengantarabangsaan industri pembinaan.**
3. Karya-karya foto yang memberi **impak dan mempromosikan aktiviti pembinaan, peningkatan kesedaran, pendidikan pembinaan kepada masyarakat, pemain industri dan negara secara keseluruhannya tentang industri pembinaan.**
4. **Gambar-gambar pelancaran seperti acara memotong riben, kek dan sebagainya adalah tidak digalakkan.**
5. Karya-karya foto hendaklah dikemukakan dalam format PDF dan dimuatkan ke **satu (1) salinan cakera padat.**
6. Penyertaan foto hendaklah **disertakan bersama kapsyen atau keterangan gambar dan salinan akhbar.**